

Rumah jadi bengkel haram lerai kenderaan curi

KLANG – Kegiatan tiga sindiket mencuri kenderaan sejak dua tahun lalu berakhir selepas digempur dalam Op Lejang Khas yang dilaksanakan di sekitar daerah ini baru-baru ini.

Dalam operasi selama tiga minggu bermula awal bulan ini, polis memberkas seramai 13 individu termasuk seorang warga asing berusia 22 hingga 43 tahun.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Cha Hong Fong berkata, siasatan awal mendapati kumpulan tersebut menyasarkan motosikal, kereta sedan dan kenderaan pacuan empat roda.

“Ahli kumpulan itu akan meleraikan komponen kenderaan yang dicuri di bengkel-bengkel haram di rumah mereka.

“Suspek kemudiannya menukar nombor casis sebelum menjualnya di pasaran gelap,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Hoong Fong, dalam operasi tersebut, pihaknya telah merampas sebanyak enam buah motosikal, tiga buah kereta, sebuah pacuan empat roda, satu rangka motosikal serta empat enjin motosikal.

Turut dirampas peralatan yang digunakan oleh suspek untuk mengubah suai casis dan enjin kenderaan dengan



HOONG FONG (tengah) menunjukkan rangka motosikal yang dirampas pada sidang akhbar di Klang semalam.

nilai keseluruhan dianggarkan RM200,000.

“Siasatan turut mendapati, kenderaan pacuan empat roda pula dijual kerana mempunyai permintaan dalam pasaran. Kesemua yang ditahan daripada sindiket berbeza dan tidak terlibat dalam aktiviti kongsi gelap.

“Dengan tangkapan ini, kita

percaya dapat menyelesaikan tujuh kes curi motosikal, empat kes curi kereta dan pacuan empat roda serta satu kes pecah kedai melibatkan kes di daerah ini, Shah Alam dan Klang Utara,” katanya.

Kes disiasat di bawah mengikut Seksyen 379A dan Seksyen 457 Kanun Keseksaan.